

**P.U.(A) 479/2012**

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PENETAPAN PRODUK PASARAN MODAL)(PRODUK PASARAN MODAL ISLAM) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Produk Pasaran Modal) (Produk Pasaran Modal Islam) 2012**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2012.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“sekuriti Islam” mempunyai erti yang sama seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan ( Penetapan Sekuriti Islam) 2012 [ *P.U. (A) 478/2012*];

“produk pasaran modal Islam” ertinya—

- (a) sekuriti Islam;
- (b) skim unit amanah yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;
- (c) derivatif yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;

- (d) skim persaraan swasta yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;
- (e) apa-apa produk atau perkiraan yang berasaskan sekuriti atau derivatif, atau mana-mana gabungannya, yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah; atau
- (f) apa-apa produk pasaran modal lain yang distrukturkan yang mematuhi prinsip Syariah.

### **Penetapan sebagai produk pasaran modal**

3. Suatu produk pasaran modal Islam ditetapkan sebagai produk pasaran modal bagi maksud undang-undang sekuriti.

Di buat 27 Disember 2012  
[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1 Jld.8;PN(PU2)662/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*